

# Tugas berat Dr. M ketua suruhanjaya Wawasan IDB

UM - 21/3/2006

PUTRAJAYA 20 Mac - "Menggerunkan", kata Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila ditanya bagaimana rasa beliau tentang dilantik mengetuai sebuah suruhanjaya untuk merumuskan rencana terperinci ekonomi jangka panjang dunia Islam sepanjang 15 tahun akan datang.

Bekas Perdana Menteri itu diminta menjadi Pengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440H Bank Pembangunan Islam (IDB) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi Lembaga Gabenor IDB pada satu mesyuarat di sini Jun tahun lalu.

"Ia adalah menggerunkan kerana ia adalah satu tanggung jawab yang berat," katanya pada satu wawancara dengan *Bernama* menjelang pelancaran Laporan Wawasan 1440 Hijrah oleh Abdullah di Kuala Lumpur Khamis ini.

"Jadi bila saya diminta menghadapi tugas ini, saya tahu ia amat sukar, tetapi mereka (Lembaga Gabenor IDB) adalah amat bertegas dan saya terimanya.

"Sebagai permulaan, anda perlu berurusan dengan banyak orang, banyak negara, banyak bangsa, setiap satu dengan masalah-masalah mereka sendiri."

Keseluruhannya, terdapat 1.5 bilion umat Islam di dunia hari ini. Terdapat 57 negara anggota di dalam Pertubuhan Persidangan Islam dan 17 daripadanya atau sepertiga telah dikategorikan di bawah 'Pembangunan Insan Rendah' oleh Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP). Enam negara paling mundur di dunia adalah negara Islam.

"Melaksanakannya memerlukan komitmen di pihak berkenaan. Sememangnya, ia adalah mengenai peranan IDB. Ia bermakna bahawa IDB mestilah komited dan mesti bersedia mengambil tindakan yang perlu untuk melaksanakan perakuan-perakuan wawasan itu.

"Ini ialah bila kesukaran-kesukaran itu bermula kerana anda perlu menyatakan apa perlu dilakukan secara terperinci kerana itu adalah pengalaman kita di Malaysia," katanya.

Laporan Wawasan itu mengandungi pelbagai tumpuan strategik bermatlamat meningkatkan kesejahteraan ekonomi umat Islam, mengembleng potensi mereka dan memperbaiki imej Islam.

Dr. Mahathir berkata, untuk sematamata menyuruh orang melakukan sesuatu atau meningkatkan keupayaan mereka adalah tidak memadai.

"Kita terpaksa beritahu mereka: "Beginilah caranya melakukannya".

"Memang, peranan suruhanjaya itu telah berakhir tetapi kita harap jika terdapat sebarang pertikaian atau masalah, kita akan diminta memberikan jawapannya," tambah beliau.